

# ACCOUNTING ANNUAL DINNER 2008

Pada 10 Ogos 2008, bertempat di Hotel Beverly, Kota Kinabalu telah berlangsung Majlis Makan Malam Perakaunan yang dihadiri oleh kira-kira 200 hadirin. Majlis turut diserikan dengan kehadiran tetamu kehormat iaitu Timb. Naib Canselor (HEP) Prof. Dr. Amran Ahmed yang turut berkenan menyampaikan Anugerah Pelajar Terbaik Perakaunan (Keseluruhan) kepada penerima anugerah tersebut iaitu Sdra Chia Yoong Hao. Antara tetamu jemputan yang turut hadir meraikan majlis tersebut adalah Dekan, Prof. Madya Dr. Hj. Kasim Hj. Md. Mansur, Timb. Dekan (HEP & Akademik) Pg. Hassanal Bahar Pg. Bagul, Timb. Dekan (Penyelidikan & Pembangunan) Dr. Rasid Mail, Wakil MIA, Tn. Hj. Rizal Othman, Wakil Ernst & Young, Mr. Pang Pak Lok, Wakil Deloitte Kassim Chan, Mdm Teoh Chew Hiong, Ketua Program Perakaunan, En. Jainurin Justine, Presiden MPP, Sdra Hasanal Hasan Alban serta pensyarah-pensyarah perakaunan. Menurut Pengarah Majlis Makan Malam tersebut, Sdri Shazarina Ismail, majlis telah berlangsung dengan jayanya dengan pelbagai aktiviti seperti yang dirancang.

